

Terengganu rangkul emas berbasikal



NORIN (empat dari kanan) mendukung anaknya, Nor Imran selepas meraih pingat emas bersama tiga rakannya dalam acara berbasikal ujian masa berpasukan lelaki semalam.

TERENGGANU mengunguli acara berbasikal ujian masa berpasukan lelaki Sukan Malaysia (Sukma) 2014 di Lebuhraya Changltoon/ Kuala Perlis semalam.

Dengan dibarisi Nor Imran Norin, Mohd. Nur Aiman Mohd. Zarif, Muhd. Badrul Hakimi Hamid dan Muhd. Zulfakhril Hamdan, kuartet Terengganu itu melintasi garisan penamat dengan catatan masa 1 jam 06 minit 57.06 saat (s).

Pingat perak dimenangi kuartet Johor yang merekodkan 1'08:20:49s manakala gangsa menjadi milik barisan pelumba Selangor dengan catatan masa keseluruhan 1'08:21:10s.

Kejayaan kuartet Terengganu itu turut dikongsi oleh bapa Nor Imran iaitu Norin Ahmad, 52, yang juga kakitangan Utusan Malaysia (M) Bhd. sejak 30 tahun lalu.

Beliau ternyata berbangga apabila Nor Imran, 20, yang baru tiga tahun melabutkan diri dalam acara sukan berbasikal telah memenangi pingat emas pada temasya Sukma kali ini.

“Ternyata berbaloi saya memberikan wang sebanyak RMI20 seminggu untuk perbelanjaannya (Nor Imran) walaupun dia menetap di asrama Majlis Sukan Negara (MSN) Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu.

“Saya mahu memastikan dia bersedia dari segi mental dan fizikal bagi menghadapi Sukma di Perlis,” kata Norin yang bertugas di Jabatan Pemasaran Utusan Cawangan Kedah.

-- Kosmo - 30/5/2014